



USIM nafi keluar surat kerah pelajar hadir program 'Temu Anwar'

Oleh Mohd Amin Jalil - Jun 25, 2023 @ 5:38pm
bhnews@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika sesi dialog bersama mahasiswa pada program 'Temu Anwar Negeri Sembilan' di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, semalam. - Foto BERNAMA

SEREMBAN: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menafikan mengeluarkan sebarang bentuk surat bertajuk 'Kerahan Pelajar Untuk Menghadiri Temu Anwar @ Negeri Sembilan'.

Menerusi kenyataan dikeluarkan oleh Pusat Komunikasi Strategik USIM, hari ini, universiti berkenaan menegaskan tidak pernah mengeluarkan sebarang bentuk surat seperti ditularkan.

"Pihak universiti tidak pernah mengeluarkan sebarang bentuk surat seperti yang ditularkan dan ia adalah palsu.

"Satu laporan polis telah dibuat dan pelaporan kepada aplikasi media sosial di atas pelanggaran peraturan dan syarat perkhidmatan terhadap akaun berkaitan telah dilakukan.

"Pihak universiti amat kesal di atas penghasilan dan penulisan surat dan maklumat yang tidak berasas ini," kata kenyataan berkenaan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluangkan masa kira-kira dua jam dalam program `Temu Anwar Negeri Sembilan' di Dewan Tunku Canselor, USIM, Nilai yang dihadiri lebih 3,000 pelajar universiti, politeknik dan sekolah menengah sekitar negeri ini.